



---

Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.23( 2 )  
Tarikh : 6 Januari 2026

Semua Pengetua dan Guru Besar  
Sekolah-Sekolah Negeri Terengganu

Tuan,

**MAKLUMAN PEMANSUHAN PENGISIAN AMALAN BAIK DALAM SISTEM SALAH LAKU DISIPLIN MURID MELALUI SISTEM BERSEPADU KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DAN PENEGASAN PENGURUSAN KES SALAH LAKU DISIPLIN MURID DI INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Dengan hormatnya merujuk surat Kementerian Pendidikan Malaysia KPM.600-17/1/21 Jld.25 (11) bertarikh 30 Disember 2025 dirujuk.

2. Untuk makluman tuan, berdasarkan kenyataan media KPM bertarikh 22 Oktober 2025, Sistem Sahsia Diri Murid (SSDM) diteliti semula secara menyeluruh bagi memastikan pelaksanaannya selaras dengan keputusan dasar semasa kementerian. KPM telah menjenamakan semula nama SSDM dalam sistem Bersepadu Kementerian Pendidikan Malaysia (MOEIS) kepada Sistem Salah Laku Disiplin Murid dengan turut mengekalkan singkatan SSDM. Penjenamaan ini selaras dengan fungsi asal iaitu untuk merekodkan salah laku disiplin dalam kalangan murid.

3. Oleh yang demikian, pengisian Amalan Baik dalam SSDM dimansuhkan sepenuhnya berkuat kuasa serta-merta. Inisiatif ini merupakan usaha KPM bagi mengurangkan beban tugas guru dan memastikan pengurusan kes salah laku disiplin murid diberikan keutamaan serta perhatian serius. Semua guru hendaklah memainkan peranan sebagai guru disiplin berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/2001:Semua Guru Adalah Guru Disiplin bertarikh 24 September 2001.

4. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah hendaklah memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pelaksanaan perkara-perkara berikut:

- 4.1 Merekodkan semua kes salah laku disiplin murid dalam SSDM MOEIS secara tepat, lengkap dan berintegriti, selaras dengan peraturan serta garis panduan yang sedang berkuat kuasa;
- 4.2 Memastikan semua kes salah laku disiplin dilaporkan dengan lengkap tanpa pengecualian, tidak menyembunyikan maklumat/kes atau mengubah fakta sebenar;
- 4.3 Menguruskan setiap kes salah laku disiplin secara cekap dan bertanggungjawab termasuk pelaksanaan siasatan, dokumentasi serta tindakan susulan dalam tempoh munasabah;

No. Ruj: JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.23 ( 2 )

- 4.4 Melaksanakan intervensi yang berkesan dan berfokus bukan sahaja kepada murid yang terlibat sebagai pelaku tetapi turut memberi perhatian kepada kebajikan, keselamatan dan sokongan kepada murid yang menjadi mangsa; dan
- 4.5 Menggunakan data kes salah laku disiplin sebagai asas perancangan intervensi, sokongan psikososial dan langkah pencegahan bagi meningkatkan kesejahteraan murid serta iklim sekolah yang kondusif.

5. Bersama-sama ini disertakan surat berkenaan untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas sila berhubung dengan **YM Tengku Mohd Majid bin Tunku Mahmud, Penolong Pengarah, Unit Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid di talian 09-6213200 atau 019-2637950.**

Kerjasama dan keprihatinan tuan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MEMACU PRAKARSA PENDIDIKAN”**

**”MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL RAZAK BIN MUDA)**

Timbalan Pengarah Pendidikan

Sektor Pembangunan Murid

b.p. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu.

s.k

Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu  
Semua Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Terengganu

- Makluman tuan  
- Makluman tuan



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**

*Director-General of Education Malaysia*

**ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E**

*Level 8, Block E8, Complex E*

**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

*Federal Government Administrative Centre*

**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)



Ruj. Kami : KPM.600-17/1/21 Jld. 25 ( 11 )

Tarikh : 30 Disember 2025

Pengarah Pendidikan  
Semua Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan,

**MAKLUMAN PEMANSUHAN PENGISIAN AMALAN BAIK DALAM SISTEM SALAH LAKU DISIPLIN MURID MELALUI SISTEM BERSEPADU KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DAN PENEGASAN PENGURUSAN KES SALAH LAKU DISIPLIN MURID DI INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan (KPM) sentiasa komited dalam memastikan pengurusan disiplin murid di sekolah dilaksanakan secara sistematik, berintegriti dan berfokus, selaras dengan usaha mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat, sejahtera dan kondusif bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.
3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan, berdasarkan kenyataan media KPM bertarikh 22 Oktober 2025, Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) diteliti semula secara menyeluruh bagi memastikan pelaksanaannya selaras dengan keputusan dasar semasa kementerian. KPM telah menjenamakan semula nama SSDM dalam Sistem Bersepadu Kementerian Pendidikan Malaysia (MOEIS) kepada Sistem Salah Laku Disiplin Murid dengan turut mengekalkan singkatan SSDM. Penjenamaan ini selaras dengan fungsi asal iaitu untuk merekodkan salah laku disiplin dalam kalangan murid.
4. Oleh yang demikian, pengisian Amalan Baik dalam SSDM **dimansuhkan sepenuhnya berkuat kuasa serta-merta**. Inisiatif ini merupakan usaha KPM bagi mengurangkan beban tugas guru dan memastikan pengurusan kes salah laku disiplin murid diberikan keutamaan serta perhatian serius. Semua guru hendaklah memainkan peranan sebagai guru disiplin berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/2001: Semua Guru Adalah Guru Disiplin bertarikh 24 September 2001.
5. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah hendaklah memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pelaksanaan perkara-perkara berikut:
  - 5.1 merekodkan semua kes salah laku disiplin murid dalam SSDM MOEIS secara tepat, lengkap dan berintegriti, selaras dengan peraturan serta garis panduan yang sedang berkuat kuasa;

- 5.2 memastikan semua kes salah laku disiplin dilaporkan dengan lengkap tanpa pengecualian, tidak menyembunyikan maklumat/kes atau mengubah fakta sebenar;
  - 5.3 menguruskan setiap kes salah laku disiplin secara cekap dan bertanggungjawab termasuk pelaksanaan siasatan, dokumentasi serta tindakan susulan dalam tempoh yang munasabah;
  - 5.4 melaksanakan intervensi yang berkesan dan berfokus bukan sahaja kepada murid yang terlibat sebagai pelaku tetapi turut memberi perhatian kepada kebajikan, keselamatan dan sokongan kepada murid yang menjadi mangsa; dan
  - 5.5 menggunakan data kes salah laku disiplin sebagai asas perancangan intervensi, sokongan psikososial dan langkah pencegahan bagi meningkatkan kesejahteraan murid serta iklim sekolah yang kondusif.
6. YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan hendaklah mengambil tindakan dan memaklumkan kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dr./tuan/puan terhadap perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. MOHD AZAM BIN AHMAD)  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan

SEKTOR PEMBANGUNAN MALAYSIA			
JABATAN PENDIDIKAN MALAYSIA			
TPP SPN	✓	Datuk Timbalan	✓
RPPKEM	✓	Datuk Rangkaian	✓
RPPRBM		Untuk Akademi	✓
KPPKROKUI		Datuk Pendidikan	
P.PENGARAH		Untuk Semakan	
		Untuk Paki	
-Y.M. Tengku Maud Mayid			
KPT:			
01.01.26		Yp Shere	
TARIKH		Timbalan Pengarah Pendidikan	
		Sektor Pembangunan Murid	

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan
  3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan
  4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan

5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan
4. Semua Pengarah Bahagian  
Sektor Operasi Sekolah  
Kementerian Pendidikan